

Bahasa dan Pemikiran Rosli Dhoby dalam Pembinaan Jati Diri Melayu berdasarkan Warkah Terakhir

Rosli Dhoby's Language and Thoughts in the Construction of Malay Identity According to Warkah Terakhir

Nabillah Bolhassan
(Universiti Teknologi Sarawak)
nabillah@uts.edu.my

Published: 16 Jun 2023

To cite this article (APA): Bolhassan, N. (2023). Bahasa dan Pemikiran Rosli Dhoby dalam Pembinaan Jati Diri Melayu berdasarkan Warkah Terakhir: Rosli Dhoby's Language and Thoughts in the Construction of Malay Identity According to Warkah Terakhir. *PENDETA*, 14(1), 65–73.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.6.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.6.2023>

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis pembentukan jati diri Melayu berdasarkan bahasa dan pemikiran Rosli Dhoby dalam warkah terakhir yang ditulisnya sebelum digantung. Jati diri merupakan elemen penting kerana jati diri merupakan sifat unik yang melambangkan keperibadian setiap individu sama ada dari aspek adat, bahasa, budaya maupun agama. Hal ini seharusnya diberi penekanan kerana kekuatan jati diri dalam kalangan masyarakat terutamanya anak muda sering menjadi kebimbangan. Rosli Dhoby merupakan seorang pejuang Sarawak telah menunjukkan nilai jati diri yang tinggi berdasarkan warkah terakhirnya. Kajian ini dijalankan secara analisis kandungan dan analisis kajian berdasarkan Teras Pembinaan Jati Diri oleh Nik Rosila (2009), iaitu teras ketakwaan kepada Allah, teras akhlak dan teras ilmu pengetahuan. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa dan pemikiran Rosli Dhoby dalam warkah yang digarapnya telah berjaya membentuk jati diri Melayu melalui pesanan, nasihat dan iktibar yang disampaikannya. Perkara ini sekali gus telah membuktikan bahawa Rosli Dhoby sewajarnya diberi penghormatan yang tinggi bukan sahaja kerana pengorbanannya terhadap tanah air tetapi juga melalui warkah tersebut pesanan dan nasihatnya sewajarnya menjadi pedoman dan mesej dalam menerapkan jati diri dan semangat patriotisme.

Kata kunci: warkah terakhir; jati diri; ilmu pengetahuan; akhlak; ketaqwaan

ABSTRACT

This study analyzes the formation of Malay identity based on Rosli Dhoby's language style and thought in the letter that he wrote before he was sentenced to death by hanging. Identity is an important element because it is a unique trait that symbolizes the personality of each individual whether in terms of customs, language, culture or religion. This should be emphasized because it holds the strength of identity in society especially when it comes to be exposed to the youngsters nowadays. Rosli Dhoby is a Sarawak warrior who has blended, institutionalized and enculturated a high value of identity in his last letter. This study is conducted by content analysis and research analysis based on the Core of Identity Construction by Nik Rosila (2009) which is; the core of piety to Allah, the core of morality and the core of knowledge. The study found that Rosli Dhoby's language style and thought in the letter that has been successfully working on forming a Malay identity by his advice. This has proven that Rosli Dhoby should be given high respect not only for his sacrifice to the nation but also through his last letter, his messages and advices should be used as a guide in strengthening identity and the spirit of patriotism.

Keywords: letter; identity; knowledge; morals; piety

PENGENALAN

Setiap manusia mempunyai pemikiran yang berbeza, yang lahir daripada pandangan serta pendapat yang berbeza. Akal manusia menjadi medan utama bagi semua bentuk aktiviti berfikir manusia. Oleh itu, berpunca daripada akal akan wujudnya pelbagai bentuk pemikiran manusia (Azhar Wahid, 2003). Hal ini demikian kerana akal dihubungkan dengan pemikiran. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), akal membawa erti fikiran, budi, daya upaya, ikhtiar, muslihat dan tipu daya. Kalimat berakal pula diertikan sebagai mempunyai akal (fikiran), cerdik (berfikir) dan pandai mencari akal (ikhtiar). Perbezaan dan kepelbagaiannya memberikan peluang kepada masyarakat untuk sentiasa berfikir dan bukan untuk menimbulkan pertelaghanan antara satu sama lain. Akal yang menjadi punca wujudnya segala pemikiran, lazimnya dikaitkan dengan sifat intelektual seseorang manusia. Sifat intelek itulah dikaitkan dengan segala bentuk dan ragam fikiran dalam pelbagai jenis karya.

Pemikiran berkait rapat dengan bahasa yang digunakan seseorang. Menurut Edward Sapir (1949), bahasa bukan sahaja memainkan peranan untuk menyatakan perasaan malah turut berperanan untuk membentuk pemikiran manusia. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa manusia menggunakan bahasa untuk mengungkapkan pemikirannya. Menurut Shamsul Aizuwani Nawi dan Celinea Lasan (2019), bahasa dapat menghubungkan manusia dalam masyarakat serta menyampaikan idea yang tersimpan dalam akal fikiran. Kendatipun terlalu banyak fikiran yang tersimpan dalam otak, namun ia tetap dapat disampaikan dengan mudah melalui penggunaan bahasa. Hashim Musa (1994) berpendapat bahawa wujud hubungan yang erat antara bahasa dan fikiran. Hal ini jelas bermaksud perkara yang melibatkan fikiran terkandung dalam bahasa dan hubungan kedua-duanya ialah bahasa sebagai wahana pemikiran. Kajian ini akan mengupas persoalan mengenai bahasa dan pemikiran Rosli Dhoby terhadap pembinaan jati diri Melayu menerusi warkah terakhirnya.

Menurut Adibah Sulaiman et al. (2019) gabungan perkataan ‘jati’ dan ‘diri’ membawa pengertian ciri unik dan istimewa yang melambangkan keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Dari aspek istilah pula, ia adalah satu ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya dan agama. Sifat atau ciri telah menjadi teras untuk membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Jati diri merupakan kekuatan dalaman, ketekalan dan segala yang membawa pengertian teguh yang berpasak kukuh dalam diri seseorang sehingga tidak boleh diganggu gugat (Abdul Latif Abu Bakar, 2004). Menurut Muhammed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid (2002), jati diri Melayu bukan sesuatu yang bersifat lahiriah sahaja tetapi juga merupakan sesuatu yang bersifat abstrak walaupun tidak dinafikan bahawa kewujudan konseptual tersebut dapat dizahirkan melalui perbuatan, pertuturan dan penulisan.

Rosli Dhoby merupakan seorang pejuang Sarawak yang lahir pada 1932. Beliau dilahirkan di Sibu, Sarawak, bersekolah di Sekolah Menengah Methodist Sibu dan menjadi pengajar di sekolah rakyat pada sebelah petang. Akibat daripada pembantahan Circular No. 9, iaitu melarang penyerahan Sarawak kepada Koloni British, ramai guru meletak jawatan. Maka, atas rasa semangat juang yang tinggi dalam diri Rosli Dhoby ketika itu, beliau sanggup menjadi pengajar agar anak kecil di Sibu pada waktunya tersebut tetap mendapat pendidikan walaupun keadaan tengah bergolak dengan keinginan penjajah untuk merampas tanah air ketika itu.

Ketika berusia 17 tahun, beliau telah menikam Gabenor Sarawak kedua iaitu Duncan George Stewart sehingga mati. Akibat daripada tindakan berani tersebut, Rosli Dhoby bersama tiga lagi rakannya yang terlibat, iaitu Awang Ramblji, Bujang Suntong dan Morshidi Sidek telah dihukum gantung sampai mati di Penjara Kuching pada Mac 1950. Rosli Dhoby disifatkan sebagai pejuang paling nekad dan anak Melayu yang berani, kerana hanya pada usia 17 tahun beliau cekal melakukan tindakan pembunuhan tersebut.

Dalam menghitung detik sebelum digantung, Rosli Dhoby sempat menulis warkah buat keluarganya serta turut menitip beberapa pesan dalam surat tersebut. Antara isi kandungan warkah terakhir tersebut adalah pesanan Rosli agar saudaranya diberi segala pelajaran sama ada ilmu fardhu mahupun sunat serta memberitahu bahawa beliau menerima takdir suratan yang telah ditentukan buatnya. Hal ini jelas menunjukkan jati diri Melayu yang ada dalam diri pejuang muda ini, yang mana tetap mementingkan peringatan yang berlandaskan Islam dalam ‘wasiat’ terakhirnya kerana menurut Ahmad Mohamad Said (2009), konsep jati diri Melayu sangat berkait rapat dengan prinsip yang berasaskan Islam seperti Islam sebagai agama dan kepercayaan yang menjadi teras kepada jati diri

bangsa Melayu, perwatakan dan adab berasaskan hukum syarak serta penghayatan nilai tauhid dalam sistem kehidupan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenal pasti jenis jati diri Melayu yang terdapat dalam warkah terakhir Rosli Dhoby sebelum ke tali gantung.
2. membincangkan pemikiran Rosli Dhoby terhadap jati diri Melayu dalam warkah terakhirnya sebelum ke tali gantung.

METODOLOGI KAJIAN

Data utama kajian ini adalah warkah terakhir Rosli Dhoby buat ibu bapanya sebelum digantung. Warkah yang ditulis oleh pejuang muda ini mengandungi 29 baris dan memiliki lapan pesanan. Penelitian terhadap aspek bahasa dan pemikiran Rosli Dhoby menerusi warkah terakhir tersebut dijalankan berdasarkan empat teras pembinaan jati diri Melayu yang dikemukakan oleh Nik Rosila (2009), iaitu teras ketakwaan kepada Allah, teras akhlak, teras ilmu pengetahuan dan teras muamalah. Teras ketakwaan kepada Allah adalah pembentukan jati diri Melayu paling utama kerana masyarakat Melayu yang menganut agama Islam wajib menjalani kehidupan berlandaskan ajaran Islam, iaitu patuh kepada perintah Allah serta meninggalkan larangan-Nya. Teras akhlak pula merupakan cerminan dari dalam setiap individu yang memiliki ilmu dan adab. Setiap Muslim seharusnya mendidik diri dan orang di bawah tanggungjawabnya dengan cara Islam menerapkan pendidikan akhlak, iaitu cara menjaga hubungan dengan Allah, sesama makhluk dan diri sendiri. Manakala teras ilmu pengetahuan adalah sesuatu yang merujuk kepada keperluan untuk mem lengkapkan diri dengan ilmu berfaedah serta masih berpegang erat dengan syariat Islam. Teras muamalah mementingkan konsep bersatu padu dan bertolak ansur sebagai inti kepada keperibadian jati diri bangsa Melayu.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks yang terdapat dalam warkah terakhir Rosli Dhoby yang telah ditulisnya sebelum menemui ajal di tali gantung pada 2 Mac 1950. Warkah yang beralamat Penjara Pusat Kuching tersebut telah diminta oleh pejuang Sarawak itu untuk disampaikan kepada keluarganya yang berada di Sibu, Sarawak. Antara kandungan warkahnya adalah beliau mengucap salam perpisahan buat kedua-dua orang tuanya, memohon ampun maaf sebelum berpisah serta berpesan untuk mengamalkan kebijakan dan mendirikan solat untuk bekalan ke negeri baka. Hal ini jelas menunjukkan, bahasa dan pemikiran Rosli Dhoby dalam warkah tersebut berkait rapat dengan pembentukan jati diri Melayu berdasarkan teras ketaqwaan, akhlak dan ilmu pengetahuan.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan dengan bahasa dan pemikiran yang mengkaji dalam pelbagai aspek mahupun yang berkaitan dengan jati diri Melayu telah banyak dijalankan. Antara kajian yang telah dijalankan ialah berkaitan dengan pemikiran berkaitan dengan tokoh dan bahasa, analisis jati diri berdasarkan karya kreatif dan sebagainya.

Antara kajian yang berkaitan dengan pemikiran ialah kajian S. Sururudin (2010) dalam kajiannya tentang *Konsep Bahasa: Analisis Terhadap Pemikiran Plato*. Dalam kajiannya ini, pengkaji menjelaskan bahawa idea bukanlah sesuatu yang bersifat subjektif, yang lahir daripada daya pemikiran manusia. Pengkaji juga menegaskan bahawa Plato menyifatkan idea sebagai sesuatu yang bersifat objektif dalam realiti sebenar dan tidak bergantung pada daya pemikiran manusia. Plato percaya bahawa idea merupakan realiti sebenar, yang boleh dilihat, dikenali dan diketahui melalui pancaindera manusia. Idea juga dikatakan bukan sekadar sebuah gagasan atau gambaran yang terdapat dalam pemikiran

manusia. Plato dapat digolongkan sebagai pemikir yang bersifat idealisme realiti kerana pemikirannya adalah bersandarkan kepada pemikiran realiti. Secara ringkasnya, pemikiran Plato lebih cenderung kepada analisis terhadap sesuatu masalah. Tokoh ini membuat analisis terhadap masalah yang timbul dan diselesaikan menggunakan logik dan realiti semasa. Kajian pemikiran tentang tokoh Barat ini hanya memperlihatkan sifat seorang pemikir kritis dan tidak menonjolkan sifat pemikir kreatif. Plato hanya membuat analisis dan mengutamakan logik dalam mencari kebenaran.

Menurut Ahmad Munawar et al. (2012) dalam kajian mereka, Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu telah mengkaji tentang hubungan Islam dengan pembentukan jati diri bangsa Melayu melalui pendekatan naratif melalui analisis dokumen sejarah. Menurut Ahmad Anwar et al. atas akidah, syariah dan akhlak telah melatari sejarah dan perkembangan umat Islam serta mencorak seluruh kehidupan umat Islam dan memberi sumbangan yang signifikan terhadap perkembangan tamadun manusia secara holistik. Menurut pengkaji lagi atas pembinaan jati diri perlu jelas dan berpandukan sumber yang mantap seperti atas kefahaman Islam. Pelaksanaan sempurna terhadap proses pembersihan jiwa dapat melahirkan manusia yang kental pegangan akidah dan keimanannya. Dengan keimanan yang teguh, akan lahir manusia yang berakhhlak mulia kerana perlakuan akhlak yang terpampang dalam diri seseorang merupakan cerminan akidah dalam dirinya.

Dalam kajian *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017), pengkaji telah menganalisis jati diri Melayu yang terdapat dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman. Kajian yang telah dijalankan penting untuk pembangunan dan pemantapan jati diri Melayu kerana pemahaman jati diri yang mantap akan terpancar ketatasilaman dan kebijaksanaan pekerti bangsa Melayu. Dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, pengkaji telah menganalisis tiga aspek utama jati diri, iaitu dalam aspek bahasa Melayu agama dan budaya. Pengkaji mendapati bahawa ketulenan jati diri kemelayan dalam puisi A. Aziz Deraman berperanan sebagai iktibar, peringatan dan nasihat yang membawa manfaat dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat berlandaskan kepada ajaran dan etika Islam yang diketengahkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Abang Patdeli Abang Muhi (2020) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Genre dan Akal Budi dalam Simpulan Bahasa Melayu Sarawak* telah menghujahkan simpulan bahasa Melayu Sarawak yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas dan nilai kepercayaan secara tersurat dan tersirat pelbagai aspek akal budi. Pengkaji berpendapat bahawa akal budi bukan hanya secara lahiriah yang memiliki akal, malah kebijaksanaan dan kearifan masyarakat dalam menggunakan akal, berfikiran waras serta kepandaian dalam mengungkapkan dan mengiaskan bahasa yang sarat dengan makna. Bagi mereka yang berfikiran waras, mereka akan berfikir sebelum berkata-kata dan sebelum mencipta sesuatu karya sastera.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati telah banyak kajian berkaitan pemikiran dan jati diri Melayu dijalankan terhadap bahan kreatif mahupun berkaitan dengan tokoh sastera. Namun, kajian terhadap bahasa dan pemikiran nasionalis muda Bumi Kenyalang yang meninggalkan warkah terakhir sebelum digantung yang juga dianggap sebagai bahan sejarah ini belum pernah diteliti dan dikaji.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Menurut Sapir Whorf (1949), bahasa menentukan pemikiran penuturnya kerana cara penutur berfikir tergambar menerusi perkataan yang digunakan. Daripada warkah terakhir Rosli Dhoby, pengkaji mendapati terdapat unsur pemikiran yang melatari pembentukan jati diri Melayu, iaitu teras ketakwaan kepada Allah, teras akhlak dan teras ilmu pengetahuan.

TERAS KETAKWAAN KEPADA ALLAH

Teras pembinaan jati diri bangsa Melayu, ketakwaan kepada Allah dapat dilihat dalam warkah terakhir Rosli Dhoby berdasarkan ayat berikut:

“Selamat berpisah anakanda uchapkan di atas kematian anakanda yang dahsat itu; janganlah di ingat2 & di rayu2 kan, kerna itu memang sudah nasib & takdzer anakanda yang ta’dapat di elak dan di mungker2 kan lagi.”

“Ampuni lah dosa dan kesalahan anakanda dari mirah tapak kaki di peliharaayaanda & bonda sampai hari perpisahan anakanda.”

“Ayahanda & bonda serta ahli2 sekalian jangan lah lupa mengamal kan kebajikan dan mendiri kan sembahyang untuk bekalan istimewa ka negeri yang baka’.”

Teras ini merupakan teras paling utama dalam pembentukan jati diri Melayu kerana orang Melayu sememangnya dikenali sebagai bangsa yang menganuti agama Islam, maka seluruh norma dan budaya mereka adalah merujuk kepada ajaran Islam, iaitu melaksanakan perintah Allah serta meninggalkan larangan-Nya. Abdullah bin Mas’ud R.A mengatakan bahawa taqwa itu adalah “Sentiasa mengingati Allah dan tidak melupakannya, dipatuhi dan tidak diderhakai, disyukuri dan tidak diingkari.” Hal ini sejajar dengan pendapat Farra Humairah dan Nik Rafidah (2016), pemikiran kerohanian sepenuhnya berpegang kepada peraturan yang terdapat dalam agama Islam, iaitu ketakwaan, keimanan dan kepatuhan kepada Allah SWT.

Teras ketakwaan kepada Allah ini terselit dalam perkataan yang digunakan oleh Rosli Dhoby dalam warkahnya seperti ‘takdzer’ atau takdir. Rosli Dhoby mengatakan kepada kedua-dua orang tuanya bahawa dia menerima nasib dan takdir yang telah ditentukan buatnya serta menerima semuanya dengan tenang. Dalam erti kata lain, Rosli Dhoby reda dengan qada’ dan qadar Allah seterusnya menerima segala yang ditetapkan buatnya dengan penuh ikhlas. Menurut teks khutbah daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam, antara perkara yang boleh meningkatkan ketakwaan seseorang muslim adalah dengan melakukan segala perintah Allah, iaitu salah satunya reda dengan qada’ dan qadar Allah. Reda dengan qada’ dan qadar Allah ialah menerima segala yang telah ditetapkan oleh Allah dengan penuh ikhlas serta patuh sama ada suka atau tidak dengan hati yang tenang dan lapang. Reda dengan qada’ dan qadar Allah juga merupakan salah satu tanda seorang muslim itu beriman dengan penciptanya. Menurut SM Zakir dalam kajian Intan Zahariah Gaisun dan Arbaie Sujud (2019), tujuan hidup dalam Islam adalah mencari keredaan Allah SWT kerana menjadi fitrah manusia untuk beriman kepada Allah SWT.

Begitu juga dengan tulisannya pada perenggan ketiga warkah tersebut. Rosli Dhoby memohon diampuni dosa dan segala kesalahan daripada orang tuanya. Mentaati kedua-dua ibu bapa adalah antara tanggungjawab yang wajib dipatuhi dan dilaksanakan oleh umat Islam kerana reda Allah terletak pada reda ibu bapa seperti dalam hadis disampaikan Abdullah bin Amr RA daripada Rasulullah SAW, “Reda Allah terletak pada reda ibu bapa, murka Allah terdapat pada murka ibu bapa.” Hal ini jelas menunjukkan pemikiran Rosli Dhoby melambangkan jati diri bangsa Melayu, memohon keampunan daripada kedua-dua ibu bapanya seterusnya reda akan Allah turut bersamanya. Perkara ini telah menyempurnakan hipotesis Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011), bahasa mempengaruhi pemikiran individu tentang agama dan pencipta-Nya kerana daripada agama yang dianuti, bangsa Melayu berfikir dan seterusnya menzahirkan kandungan fikiran mereka.

Teras ketakwaan kepada Allah turut dapat dibuktikan pada perenggan terakhir warkah terakhir Rosli Dhoby. Pada perenggan ini, Rosli Dhoby menyampaikan pesan agar seluruh keluarganya terus mengamalkan kebajikan dan mendirikan solat untuk bekalan ke negeri yang abadi kelak. Salah satu cara bagi meningkatkan iman dan takwa terhadap Allah adalah dengan mengajak ke arah kebaikan dan mencegah keburukan seperti firman Allah dalam surah Ali-Imran:110, “Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia kerana kamu menyuruh berbuat yang ma’ruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah”. Daripada perenggan ini, jelas menunjukkan pemikiran Rosli Dhoby yang melambangkan jati diri Melayu berlandaskan ketakwaan kepada Allah, iaitu mengajak ke arah kebaikan melakukan perintah Allah dengan mendirikan solat. Mengajak ke arah perkara yang baik adalah lambang pembentukan jati diri yang sangat penting dan relevan agar dapat menonjolkan pembinaan masyarakat, bangsa dan negara.

Melalui teras ketakwaan kepada Allah yang telah dikenal pasti dalam warkah terakhir Rosli Dhoby, jelas membuktikan bahawa Rosli Dhoby merupakan seorang individu yang bukan sahaja berani mempertahankan tanah tumpah darahnya daripada jajahan orang asing malah seorang yang berpegang

utuh dengan ajaran Islam. Hal ini jelas membuktikan jati diri dalam dirinya sejarah dengan pendapat Muhammed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abdul Hamid (2012), jati diri Melayu itu sendiri bersifat abstrak kerana mewujudkan konseptual yang dizahirkan melalui perlakuan, pertuturan dan penulisan seseorang. Hal ini secara telus telah memberi penjelasan bahawa bahasa dan agama memainkan peranan penting dalam pembinaan jati diri Melayu.

TERAS ILMU PENGETAHUAN

Dalam perenggan kedua warkah terakhir Rosli Dhoby, dapat dilihat dengan jelas pembentukan jati diri Melayu berdasarkan teras ilmu pengetahuan. Perenggan kedua warkah tersebut adalah seperti berikut:

“Peliharakanlah adek2 & kakak2 serta semua ahli kita. Berikanlah segala pelajaran sama ada sunat & perdzu kepada mereka.”

Teras ilmu pengetahuan merujuk kepada keperluan setiap individu untuk memperlengkapkan diri dengan ilmu yang berfaedah serta tidak menyalahi syariat Islam. Rosli Dhoby pada zaman remajanya seorang pelajar yang cemerlang dalam kalangan rakan-rakannya yang lain dan juga merupakan seorang guru pada usia yang muda, mengajar di sekolah rakyat dengan harapan agar anak bangsa Melayu di kampungnya turut mendapat ilmu.

Dalam warkah terakhirnya, Rosli Dhoby tidak lupa menitip pesan agar seluruh ahli keluarganya diberi ilmu yang bermanfaat sama ada yang wajib mahupun sunat. Perkara ini jelas membuktikan jati diri Rosli Dhoby sebagai seorang yang berbangsa Melayu dan beragama Islam menitikberatkan perihal untuk menuntut dan menyebarkan ilmu demi membentuk dan menyuburkan fikiran bangsanya. Rosli Dhoby seorang yang telah jelas dalam fikirannya bahawa Islam sangat mengutamakan seorang yang berilmu seperti dalam firman Allah SWT dalam surah Az-Zumar ayat 9, “Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakal yang dapat menerima pelajaran,” maka di akhir hayatnya di tali gantung sekalipun, beliau tidak lupa berpesan untuk menuntut ilmu pengetahuan.

Sebagaimana kajian Sapir-Whorf, bahasa ditentukan oleh cara seseorang berfikir. Menurut Sapir-Whorf lagi, cara seorang penutur berfikir dan melihat bahasa tergambar menerusi penggunaan perkataan dengan lebih meluas. Hal ini secara jelas menggambarkan pemikiran Rosli Dhoby mengutamakan kepentingan ilmu. Pemikiran bangsa Melayu yang beragama Islam meletakkan ilmu sebagai satu nilai luhur yang diajarkan oleh ajaran agama Islam serta hakikat ilmu yang menyebabkan manusia diberi amanah oleh Allah sebagai khalifah (Zaitul Azma & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011). Hal ini turut disokong oleh Ahmad Munawar Ismail et al. (2012) yang berpendapat bahawa ilmu pengetahuan adalah satu alat yang unik, yang boleh mendorong dan membimbing pemiliknya mengenal dan memperhambakan diri semata-mata kerana Allah SWT. Mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan dikurniakan kedudukan yang tinggi di sisi Allah dan malaikat.

TERAS AKHLAK

Akhlik merupakan asas kepada pembentukan jati diri sesebuah masyarakat. Teras pembentukan jati diri bangsa Melayu, teras akhlak berdasarkan warkah terakhir tulisan Rosli Dhoby dapat dilihat dalam ayat berikut:

“Segala perkakas tulis menulis; buku2 dan pakaian2 anakanda itu, izen lah anakanda di salin oleh adek Aini”.

“Sampai kan salam hormat & maaf serta selamat berpisah anakanda kepada ibu tua dan bapa2 saudara anakanda”.

“Selimutilah jenazah anakanda dengan panji2 kebangsaan Sarawak”

Teras akhlak merupakan antara teras yang penting dalam membentuk jati diri bangsa Melayu. Menurut Adibah Sulaiman et al. (2019) jati diri bermakna sifat atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa itu dimana faktor yang mempengaruhi pembentukan jati diri sesuatu bangsa ialah keadaan alam, persekitaran, pengalaman sejarah dan kepercayaan. Faktor paling utama ialah kepercayaan atau agama yang mendasar dalam minda dan meresap ke seluruh jiwa kerana agama memberi panduan yang jelas dan menyeluruh kepada manusia tentang peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan di dunia ini. Menurut kajian Zakaria Stapa et al. (2012) teras akhlak merujuk kepada cerminan segala amalan dan perlakuan individu serta turut berkait rapat dengan cara seseorang menjaga hubungan dengan Allah, sesama makhluk mahupun dengan diri sendiri. Hubungan sesama makhluk dalam teras akhlak sejajar dengan kajian Zaitul Azma dan Ahmad Fuad Hassan (2011), iaitu dalam hubungan manusia dengan manusia, pemikiran bangsa Melayu mengaitkan isu-isu tentang tingkah laku dan moral manusia. Persoalan moral turut meliputi pemikiran, perasaan serta niat di hati sesama manusia dan nilai moral tersebut bersifat relatif, subjektif dan sementara.

Teras akhlak dalam warkah terakhir Rosli Dhoby dibuktikan dengan ayatnya pada perenggan kelima, Rosli Dhoby berpesan agar segala alat tulis, buku dan pakaianya diserahkan kepada satu-satunya adik lelaki beliau, iaitu Ainnie Dhoby. Perkara ini sejajar dengan kajian Marzuki (2009), iaitu salah satu nilai akhlak yang telah digariskan dalam Islam termasuklah akhlak dalam lingkungan keluarga. Rasulullah SAW merupakan suri teladan dalam menjaga akhlak mahupun kebajikan terhadap keluarga kerana hubungan sesama manusia sangat dituntut dalam Islam, apatah lagi hubungan sesama keluarga. Sebelum digantung, Rosli Dhoby turut memberi pesan dalam warkah terakhirnya agar peralatan alat tulis serta pakaian beliau diserahkan kepada adiknya. Hal ini membuktikan bahawa beliau memiliki keperibadian akhlak yang baik, menyerahkan barang kepunyaan beliau untuk kegunaan adiknya menuntut ilmu.

Menurut Shiyamu Manurung (2015) akhlak merupakan sesuatu yang telah tertanam dalam jiwa manusia secara spontan, apabila dikehendaki tidak memerlukan dorongan dari luar, mahupun pertimbangan terlebih dahulu. Akhlak sesama manusia ialah belas kasihan, kasih sayang, berbuat baik serta menyantuni antara satu sama lain. Dalam warkah terakhir tulisan Rosli Dhoby, beliau telah memohon ampun dan maaf kepada seluruh ahli keluarga sebelum berpisah selamanya. Membina keperibadian seseorang sehingga menjadi insan yang tinggi darjatnya di sisi Maha Pencipta dan sesama manusia ialah seseorang yang tinggi akhlaknya terserlah dengan nilai kemaafan tinggi (Nik Hasnah Ismai, 2017). Sejajar dengan hipotesis Sapir-Whorf, cara manusia berfikir dipengaruhi oleh bahasanya. Perkara ini jelas membuktikan bahawa jati diri serta akhlak yang baik ada dalam diri Rosli Dhoby melalui tulisannya dalam warkah tersebut yang memohon ampun sebelum ke tali gantung. Perkara ini telah menjelaskan bahawa nilai akhlak yang terbit daripada ajaran Islam telah menjadi landasan dalam diri beliau sebagai bangsa Melayu sejajar dengan hipotesis Zakaria Stapa et al. (2012), melalui Islam bangsa Melayu mampu untuk memperteguh jati diri mereka.

Menurut Abu Bakar (1976) kekuatan akhlak dan jati diri merupakan kekuatan utama yang perlu dikuasai oleh setiap individu kerana akhlak merupakan simbol kepada kemantapan akidah. Dalam satu perenggan warkah terakhir Rosli Dhoby, beliau telah berpesan agar jenazahnya diselimuti dengan panji kebesaran Sarawak. Hal ini jelas menggambarkan akhlak Rosli Dhoby yang penuh dengan semangat patriotisme. Menurut Fauzi bin Hasan et al. (2017) patriotisme merupakan perasaan yang tertanam dalam diri seseorang untuk mencintai tanah tumpah darahnya. Atas sebab semangat patriotisme yang tinggi dalam dirinya, Rosli Dhoby sanggup berkorban jiwa dan raga demi melihat tanah airnya daripada terus dijajah. Pengorbanan besar yang dilakukan Rosli Dhoby mencerminkan akhlaknya sebagai seorang anak muda yang memiliki semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan tanah air.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, menunjukkan bahawa Rosli Dhoby merupakan seorang pejuang tanah air yang mempunyai jati diri yang tinggi berdasarkan bahasa dan pemikirannya dalam warkah terakhir serta pengorbanannya terhadap negara. Hal ini dibuktikan apabila, pengkaji dapat menganalisis teras pembinaan jati diri bangsa Melayu yang terdapat dalam warkah terakhir Rosli

Dhoby. Dengan hasil kajian ini juga dapat membuktikan bahawa jati diri Melayu dapat ditandai melalui aspek bahasa dan pemikiran.

Melalui kajian ini juga, dapat dilihat bahawa jati diri bangsa Melayu sangat berkait rapat dengan Islam kerana nilai akhlak, ketakwaan, moral dan etika yang terbit daripada agama Islam menjadi asas dan landasan untuk bangsa Melayu. Dalam memperkasakan pembentukan jati diri Melayu secara berterusan, ajaran dalam agama Islam perlu dijadikan sebagai panduan utama kerana Islam dan Melayu tidak boleh dipisahkan. Secara tuntasnya, bangsa Melayu perlu menghayati dan mendalamai ajaran agama Islam dalam seluruh aspek kehidupan.

RUJUKAN

- Abdul Latiff Abu Bakar. (2004). *Menghayati fungsi komunikasi puisi Melayu dalam pembinaan jati diri warga Malaysia*. Kuala Lumpur: Univerisiti Malaya.
- Adibah Sulaiman, Noorsafuan Che Noh & Ezad Azraai Jamsari. (2019, Oktober). *Jati diri kanak-kanak Melayu, Islam menerusi pendidikan awal*. Paper presented at Seminar Tamadun, Etnik & Turath Islam (i-STET), Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Mohamad Said. (2009). *Jati Diri dan Psikik Melayu*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi. (2012). Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 143-154.
- Azhar Wahid. (2003). *Pemikiran A. Samad Said dalam: Ingin jadi pujangga*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-Kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51.
- Hashim Musa. (2004). *Pemerksaan Tamadun Melayu Malaysia menghadapi globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Intan Zahariah Gaisun & Arbaie Sujud. (2019). Beriman kepada Allah SWT sebagai fitrah manusia dalam skrip Drama ‘Tiang Segi Tegak Berlima’ Karya Noordin Hassan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 1-11.
- Jaffary Awang (2009). Pendekatan Islam Hadhari ke arah memperkasakan identiti Melayu-Muslim di Malaysia. *Jurnal Islam Hadhari*, 1(1), 99-116.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzuki, M.Ag. (2009). Pembinaan akhlak mulia dalam hubungan antara sesama manusia dalam perspektif Islam. *Humanika: Kajian Ilmiah Mata Kuliah Umum*, 9 (1), 25-38.
- Mohd. Yusof Othman, Jawiah Dakir, Abdul Latif Somian, Mohd Safar Hasim, Noor Aziah Mohd Awal, Sahmsul Azhar Yahya, Rosilawati Mohd Hanapi, Noralina Omar & Mujahid Abu Bakar. (2012). Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 67-78.
- Muhamed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid. (2002). *Konsep jati diri Melayu baru: Suatu analisis kritis Terhadap Cabaran dan Hala Tuju Masyarakat Melayu dalam Persejegatan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhamed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid. (2002, Oktober). *Konsep Jati Diri dan Melayu Baru: Suatu Analisis kritis terhadap cabaran dan hala tuju Masyarakat Melayu dalam pensejagatan dunia globalisasi*. Paper presented at Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing ke-2, Beijing, China.
- Nik Rosila Nik Yaacub. (2009). *Pembinaan identiti diri bangsa Melayu: Perspektif Pendidikan Psikososial*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nordie Achie. (2018). *Rosli Dhoby dan Rukun 13*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sapir Whorf. (1949). *Culture and language Use*. Amsterdam: John Benjamin Publishing. 234-248.
- Shamsul Aizuwani & Celinea Lasan. (2019). Bahasa dan pemikiran Melayu Abad ke-19. Dalam Frank. S Swettenham. ‘Vocabulary of the English and Malay Languages with Notes.’ Kangar: UniMAP Press.
- Shiyamu Manurung. (2011). *Pendidikan akhlak dalam keluarga: Kasus Studi Keluarga Batak Toba Islam di Sumatera Utara*. Sumatera Utara: UIN Sumatera
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati diri Melayu dalam kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7, 47-63.
- S. Sururudin. (2010). Konsep Bahagia: Analisis terhadap pemikiran Plato. *Jurnal Media Akademika*, 25(2), 230-764.

- Wan Muhammad, S.A.A. (2010). Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. dalam Mohd Yusof Osman. *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, 85-96.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 129-141.
- Zaitul Azma dan Ahmad Fuad. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Gema Online Journal of Language Studies*, 11 (3), 31-51.